

KESALAHAN FRASA

1. Peserta dalam pertandingan silat itu melompat sambil memusingkan badannya ke kiri dan ke kanan untuk mengelakkan serangan lawannya.
A ke kiri kanan
C ke kiri dan kanan
B kiri dan ke kanan
D ke kiri dan ke kanan
2. Perasaan resah saya cuba selindungi dengan tersenyum ketika menghadiri temu duga itu.
A cuba saya menyelindungi
C cuba saya selindungi
B saya cuba menyelindungi
D saya cuba selindungi
3. Dalam perjalanan pulang, ayahnya membeli goreng keledek dari gerai Mak Esah.
A membeli keledek goreng dari
C membeli keledek goreng daripada
B membeli goreng keledek daripada
D membeli goreng keledek dari
4. Yang turut hadir dalam majlis itu ialah Pengarah Pendidikan Negeri.
A Yang turut hadir dalam majlis itu adalah
C Yang turut menghadiri majlis itu adalah
B Yang turut menghadiri ke majlis itu ialah
D Yang turut hadir dalam majlis itu ialah
5. Mak Cik Minah sekeluarga pulang ke kampung sejak dari seminggu yang lalu untuk berjumpa dengan sadara-mara mereka.
A pada seminggu yang lalu
C sejak seminggu yang lalu
B daripada seminggu yang lalu
D sejak dari seminggu yang lalu
6. Daripada sehari ke sehari, Encik Sharif menanti kepulangan anaknya dari luar negara dengan sabar.
A Dari hari ke sehari
C Dari sehari ke sehari
B Daripada sehari ke hari
D Daripada sehari ke sehari
7. Halim mengalami kesakitan yang amat sangat setelah terjatuh dari katil.
A sakit yang sangat
C kesakitan yang tersangat
B sakit yang teramat
D kesakitan yang amat sangat
8. Pembangunan negara kita hendaklah berteras Rukun Negara.
A berteraskan kepada Rukun Negara.
C berteraskan Rukun Negara.
B berteraskan pada Rukun Negara.
D berteras Rukun Negara.
9. "Akan saya tonton pertandingan itu pada malam ini," beritahu Yusof kepada rakannya.
A Akan ditonton oleh saya pertandingan itu
C Akan saya menonton pertandingan itu
B Akan ditonton pertandingan itu oleh saya
D Akan saya tonton pertandingan itu
10. Setem itu tidak boleh melekat pada sampul surat kerana gamnya cair.
A berlekat di sampul surat
C terlekat di sampul surat
B dilekat pada sampul surat
D melekat pada sampul surat

11. Banyak pepohon kelapa yang sudah tua itu ditebang untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.
A Banyak pohon-pohon kelapa B Pohon-pohon kelapa
C Pepohon-pepohon kelapa D Banyak pepohon kelapa
12. Sebahagian daripada harta-harta pusaka itu disumbangkan kepada anak-anak yatim.
A Sebahagian harta B Sebahagian dari harta
C Sebahagian daripada harta D Sebahagian daripada harta-harta
13. Pelancong dari Eropah itu mendapati kami lalu bertanyakan arah ke Istana Negara.
A mendapatkan kami lalu bertanyakan B mendapatkan kami sambil bertanya
C mendapati kami serta bertanya D mendapati kami lalu bertanyakan
14. Banyak orang yang sukakan dengan sikap pegawai yang peramah itu.
A sukakan B suka akan
C suka dengan D sukakan dengan
15. Atas perhatian daripada pihak tuan, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.
A Di atas perhatian daripada pihak tuan B Atas perhatian dari pihak tuan
C Di atas perhatian dari pihak tuan D Atas perhatian daripada pihak tuan